

01 NOV 2002

Nik Aziz-Sekolah

NIK AZIZ BERI AMARAN JANGAN HASUT PELAJAR AGAMA

KOTA BAHARU, 1 Nov (Bernama) -- Menteri Besar Kelantan Datuk Nik Abdul Aziz Nik Mat memberi amaran kepada guru dan pengurusan Sekolah Agama Rakyat (SAR) di negeri ini supaya jangan menghasut pelajarannya bagi menentang kerajaan pusat.

Katanya mereka yang terbabit dalam membuat hasutan itu akan dikenakan tindakan tegas.

"Kita boleh ambil tindakan kerana dia (sekolah dan guru) pandai-pandai mengadakan benda yang tiada dalam kurikulum (pendidikan)," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan kuliah mingguan Jumaat di pejabat PAS di sini hari ini.

Beliau berkata sebelum tindakan tegas diambil, kerajaan negeri bagaimanapun memerlukan bukti-bukti kukuh berhubung sekolah agama yang terbabit termasuk jenis kegiatan dan tempat terjadi bagi berlaku adil.

Nik Aziz yang juga Mursyidul Am PAS berkata demikian berhubung tindakan kerajaan pusat membekukan bantuan per kapita ke semua SAR apabila didapati sesetengah sekolah berkenaan disalahgunakan pihak tertentu bagi mengembangkan pengaruh politik mereka.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata bantuan itu akan disambung semula setelah kerajaan berpuashati bahawa sekolah terbabit benar-benar mengajar agama.

Nik Aziz berkata sehingga ini kerajaan negeri tidak memiliki atau diberikan bukti berhubung berlaku hasutan terhadap pelajar sekolah agama hingga mereka bersikap ekstremis apabila meminta ibu bapa masing-masing menurunkan gambar pemimpin kerajaan pusat yang disifatkan seperti Firaun.

Kalau ada pun takkan seperti kata pepatah Melayu `Seekor Kerbau Membawa Lumpur Habis Terpalit Yang Lain, katanya.

Beliau berkata sekiranya bantuan itu tidak disalur segera akan menyukarkan kedudukan pentadbiran sekolah-sekolah agama di Kelantan yang bergantung besar kepada wang bantuan tahunan kerajaan pusat.

"Sudahlah gaji guru-guru agama murah, wang bantuan pula disekat...sampai hati hendak melenyapkan semangat Islam, katanya.

Nik Aziz menjelaskan bahawa kerajaan negeri meluluskan peruntukan berjumlah RM32 juta bagi membayar gaji guru-guru agama termasuk membina sekolah baru tetapi wang itu jauh dari mencukupi.

Mengenai cadangan supaya Kementerian Pendidikan mengambil alih pentadbiran sekolah-sekolah agama, beliau berkata langkah itu tidak wajar kerana rakyat tidak diberi pilihan.

-- BERNAMA

WM RAR RON